

03/05/2001

Kontraktor perlu bayaran segera: PKMM

KUALA LUMPUR, Rabu - Pegawai akaun kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan pembayaran, perlu lebih teliti dan mempercepatkan penyelesaian hutang tertunggak kontraktor yang melaksanakan projek kerajaan.

Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Datuk Jamaluddin Abdul Rahman, berkata kontraktor memerlukan bayaran secepat mungkin kerana kesukaran mendapat kredit dari pembekal barangan.

"Sebelum kegawatan ekonomi 1997, kontraktor dapat kredit sekurang-kurangnya tujuh bulan, tetapi sekarang mereka terpaksa membayar tunai atau sebulan selepas mendapat barangan.

"Jadi, sekiranya pelanggan tidak membayar pada masanya, ia membawa masalah kepada kontraktor," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, mengarahkan semua kementerian menyelesaikan segera hutang tertunggak kepada kontraktor serta pembekal projek kerajaan.

Langkah itu bertujuan menggerakkan kegiatan ekonomi dan kontraktor yang menjalankan projek kerajaan dapat meneruskan perniagaan mereka.

Sambil menyambut baik arahan Dr Mahathir itu, Jamaluddin mendakwa, kelewatan pembayaran disebabkan ketidakcekapan kakitangan kerajaan sendiri.

(END)